



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 3 JANUARI 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAFI PERUNTUK DANA RM100 JUTA BANTU AGROPRENEUR TERJEJAS BANJIR, BISNES.COM.MY -ONLINE 'IMPORT AYAM SEJUK BEKU HANYA LANGKAH SEMENTARA', NASIONAL, BH -15 KIANDÉE: IMPORT OF CHICKEN A TEMPORARY MEASURE, NATION/NEWS, NST -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	HARGA AYAM, TELUR MULA TURUN, NEGARA, KOSMO -7	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	MINYAK MASAK PERTAMA PELADANG, POTENSI BESAR INDUSTRI SAWIT JOHOR, BISNES SINAR, SH -38	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	FARMERS, LIVESTOCK BREEDERS PLEA FOR CASH ASSISTANCE, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 100 POKOK PISANG TENGGELAM AKIBAT BANJIR, NEGERI KELANTAN, SH -32 HARGA DEDAK NAIK LAGI, PENTERNAK MENGELUH, DALAM NEGERI, UM -32 KEBUNITI TAMBAH REZEKI PENDUDUK, NEGARA, KOSMO -8 'JANGAN LUPA PEKEBUN, PENTERNAK KECIL', NEGERI SELANGOR, SH -14 'DENGARLAH RINTIHAN KAMI', LOKAL, HM -5 33 EKOR BIRI-BIRI MATI AKIBAT BANJIR, DALAM NEGERI, UM -31 BANJIR: PENTERNAK ITIK RUGI RM15,000, DALAM NEGERI, UM -8 LADANG TENGGELAM, PENTERNAK RUGI BESAR, NEGARA, KOSMO -12 33 KAMBING BIRI-BIRI LEMAS AKIBAT BANJIR, NEGARA, KOSMO -12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Mafi peruntuk dana RM100 juta bantu agropreneur terjejas banjir



Jelebu: Sebanyak RM100 juta daripada RM4.2 bilion belanjawan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) tahun hadapan akan diperuntukkan untuk pelbagai jenis bantuan bagi meringankan beban pengusaha agromakanan seluruh negara yang terjejas banjir.

'Import ayam sejuk beku hanya langkah sementara,'

MAFI perjas henti kebenaran mengimport jika bekalan cukup, harga stabil

Oleh Saiful Haizan Masam
saiful.haizan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjelaskan kebenaran mengimport ayam bulat sejuk beku dari Thailand dan China, hanya langkah sementara yang akan dihentikan sekiranya bekalan tempatan mencukupi dengan harganya kembali stabil.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee, berkata ketika ini bekalan ayam berkenaan sedang di-hawa masuk oleh beberapa syarikat yang diberi kebenaran mengimport 10,000 tan atau 5.5 juta ekor sebulan.

Katanya, kebenaran itu hanya diberi bagi tempoh tiga bulan bermula Disember 2021 sehingga Februari 2022 dengan pemantauan ketat MAFI.

"Pada awal Disember lalu, ada kekurangan ayam sehingga harga melambung dan rekod kita menunjukkan kita kurang bekalan ayam di pasaran apabila sektor ekonomi kembali dibuka. Jadi kita perlu tambah bekalan (depan mengimport)."

"Kita bagi kelonggaran sementara untuk menampung kekurangan, jika pengeluaran ayam tempatan adalah mencukupi dan harganya stabil, kita akan hen-



Tinjauan di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu mendapati penurunan harga ayam membantu rakyat dapatkan barangan keperluan pada harga muiatsabah. (Foto BERNAMA)

tidak segera," katanya kepada BH, semalam.

Bellau mengulas mengenai tinjauan BH di beberapa lokasi kelmarin yang mendapati harga ayam yang mendapati harga lebih rendah berbanding harga maksimum ditetapkan dalam SHMKM fasa pertama yang berlangsung 7 Disember hingga semalam (kelmarin), katanya.

Mengulas mengenai bekalan ayam, Ronald berkata, negara mempunyai stok ikan sejuk beku yang mencukupi dalam simpanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Ne-

layan Kebangsaan (NEKMAT). "Apabila ada kekurangan dalam pasaran, kita akan keluaran stok.

"Kementerian sentiasa memantau kelangsungan bekalan makanan negara, apatah lagi dalam masa pandemik COVID-19 dan batjir di seluruh negara," katanya.

Pada 1 Disember lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengarahkan MAFI mengimport ayam dan mengeluarkan stok simpanan ikan sejuk beku bagi membolehkan rakyat mendapat bekalan pada harga lebih rendah.

PERMITS TILL NEXT MONTH

KIANDEE: IMPORT OF CHICKEN A TEMPORARY MEASURE

It will cease once supply in the country is sufficient and prices stabilise, says minister

SAIFUL HAZAN HASAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Agriculture and Food Industries Ministry has clarified that the permission to import frozen chicken from Thailand and China is only a temporary measure. Such imports would cease once supply in the country was sufficient and prices stabilised, said its minister, Datuk Seri Ronald Kiandee.

He said the importation of chickens was being handled by several companies that were permitted to bring in 10,000 tonnes or 5.5 million chickens a month. Kiandee said the permission was given for only three months, from December last year to February this year, with a strict monitoring mechanism put in place by the ministry.

"In early December, there was a shortage of chicken.

"Prices soared and our records showed we had a low supply of chicken in the market when the economic sector reopened.

"So we needed to increase the supply (by importing).

"We are giving temporary flexibility to cover the shortage.

"If the local chicken production is sufficient and the price is sta-



The price of chicken soared last month due to low supply. BERNAMA PIC

ble, we will immediately stop (the import)," he told the *New Straits Times Press*.

Kiandee was commenting on a *Berita Harian* survey at several locations on Saturday that found that the prices of wet goods, including chicken, saw a drop after the government expanded the Malaysian Maximum Family Price Scheme (SHMKM) on the same day.

Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wabid said the SHMKM compliance inspection found

Fisheries Development Authority and the National Fishermen's Association.

"When there is a shortage, we will release the stock.

"The ministry is monitoring the continuity of the country's food supply, especially during the Covid-19 pandemic, as well as due to nationwide floods."

On Dec 1, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob had instructed the ministry to import chicken and release frozen fish stocks to enable the people to buy the goods at lower prices.

that the prices of controlled goods had decreased, including chicken.

"Some items listed as price-controlled items, such as fresh chicken under SHMKM Phase Two, had decreased.

"The price level is more stable in the peninsula compared with the maximum price set during the first phase, which lasted from Dec 7 to yesterday (Saturday)."

Kiandee said the country had sufficient stock of frozen fish in the custody of the Malaysian

SHMKM dianggap berkesan, peniaga ingkar akan dikenakan tindakan

Harga ayam, telur mula turun

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA - Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang disambung sehingga 4 Februari depan mula menurunkan harga ayam dan telur.

Menurut Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), maklumat terkini itu hasil tinjauan di lapangan meliputi 15 lokasi di seluruh negara kelmarin.

Harga ayam proses standard di Kuala Lumpur dijual RM9.10 sekilogram iaitu sama dengan harga siling ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Etnwal Pengguna.

Harga yang sama turut dilaporkan di Kinta, Perak; Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang; Kuantan, Pahang; Melaka Tengah, Melaka dan Johor Bahru, Johor.

Malah ada lokasi yang didapati dijual pada harga lebih rendah seperti di Gombak, Selangor iaitu RM9.05 sekilogram; Kota Setar, Kedah (RM9) dan Kota Bharu, Kelantan (RM8.90).

Laporan disiarkan laman rasmi FAMA itu namun menunjukkan Kanger, Perlis; Kuala Terengganu, Terengganu dan Seremban, Negeri Sembilan dijual tinggi da-



HARGA ayam standard di beberapa tempat mula dijual murah dan ada yang dibawah paras siling hingga mendorong kerajaan melanjutkan SHMKM sehingga 4 Februari depan. - GAMBAR HIASAN

ri pada SHMKM iaitu RM9.30.

Senario serupa berlaku di Kuching, Sarawak iaitu RM10.50 berbanding ditetapkan RM9.50, manakala di Kota Kinabalu, Sa-

bah pula ia dijual RM11 daripada harga silingnya RM10.70.

Keadaan bagaimanapun agak berbeza di Labuan apabila ayam proses standard dijual pada har-

ga RM10.90 sekilogram daripada had SHMKM iaitu RM11.

Dalam pada itu, harga runcit sebiji telur ayam dari gred A, B dan C masing-masing diwartakan

kepada 43 sen, 41 sen dan 39 sen hanya dipatuhi di lima lokasi di Semenanjung Malaysia.

Tinjauan FAMA mendapati, ia melibatkan para peruncit di Johor Bahru, Johor; Melaka Tengah, Melaka; Kuantan, Pahang; Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dan Gombak, Selangor.

Sementara itu, para peniaga di Kangar, Perlis; Kota Setar, Kedah; Kota Bharu, Kelantan dan Seremban, Negeri Sembilan pula secara purata menjual sebiji 44 sen, 42 sen dan 40 sen.

Begitu juga di ibu negara kecuali gred C yang ditural 39 sen, manakala di Kuala Terengganu, Terengganu pula, agensi tersebut mendapati harganya mencecah 45 sen, 43 sen dan 41 sen.

Harga di Labuan masing-masing 49 sen, 48 sen dan 47 sen seperti ditetapkan, selain Kota Kinabalu, Sabah (48 sen, 47 sen, 46 sen) dan Kuching, Sarawak (44 sen, 41 sen, 39 sen).

SHMKM yang sepatutnya berakhir 31 Disember lalu, telah dilanjutkan selama 35 hari lagi sehingga Tahun Baru Cina awal bulan depan.

Peniaga ingkar akan dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan+ Harga dan Antipencatutan 2011.

Minyak masak pertama Peladang, potensi besar industri sawit Johor

Minyak masak tersebut bakal tembusi pasaran antarabangsa selain pasaran di Sabah dan Sarawak tahun ini

Oleh SHAFIQ TINO

BAJU PAHAT

Produk minyak masak pertama dengan jenama Peladang yang dihasilkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Simpang Renggam dilihat mempunyai potensi besar untuk terus berkembang sebagai salah satu industri hiliran sawit bagi Negeri Johor.

Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Johor, Datuk Sawaluddin Ahmad berkata, perkara itu melihat kepada pulangan progresif yang berjaya direkodkan sejak produk ini mula dihasilkan pada

1 September lalu.

"Hasrat dan aspirasi LPP Johor adalah kita melihat produk ini mempunyai potensinya yang tersendiri berdasarkan daripada angka yang ditunjukkan dalam masa yang singkat iaitu sebanyak 207.788 tan metrik sudah berjaya dipasarkan.

"Johor mempunyai khazanah, dan antara kekreativanya juga adalah melibatkan tanaman sawit ahli-ahli kita sendiri. Jadi jika kita mahu meningkatkan potensi produk ini, kita kena melihat keseluruhan iaitu memperkukuh dahulu rantaian industri sawit di negeri ini.

"Apa yang dimaksudkan adalah kita uruskan semua sekali iaitu daripada fasa pemprosesan minyak hingga pembungkusan. Dengan cara ini, kita boleh melihat satu sudut janaan baharu kewangan PPK kita menerusi pembukaan kilang dan peluang-peluang pekerjaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui *Sinar Harian* pada Mesyuarat Agung PPK Parit Raja di Dewan Orang Ramai Parit Raja



Sawaluddin (dkt) dan Eddie menunjukkan minyak masak dihasilkan PPK Simpang Renggam

Melaka dan Perak. Jadi kita melihat langkah mengeluarkan minyak masak dengan jenama sendiri ini merupakan idea terbaik," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar PPK Simpang Renggam, Eddie Ismail berkata, semestinya kepeningan paling utama dalam pemasaran dan penjualan produk minyak masak ini adalah pulangan kembali kepada ahli-ahli PPK.

"Istimewa produk kita ini adalah ia memberi pulangan semula keuntungannya kepada ahli-ahli PPK yang mempunyai saham sama ada menerusi dividen atau pun rebat pembelian. Jika pulangannya besar, maka ahli kita juga boleh menerima manfaatnya.

"Produk ini juga kita lihat boleh pergi jauh kerana ia mempunyai hubungan yang rapat dengan ahli-ahlinya. Di Johor sahaja ada kira-kira 105,654 ahli dan jika semua mereka memilih menggunakan produk ini, kita mempunyai peluang besar dalam pasaran semasa," katanya.

"Kita boleh katakan yang produk ini bukan dihasilkan atas kadar kerana buat masa ini memang kita bekerjasama dengan syarikat dikenali bagi penghasilan produk ini.

"Minyak masak ini juga sudah mula menembusi pasaran di Pahang, Negeri Sembilan,

Farmers, livestock breeders plea for cash assistance

DENGKIL: Although thankful for the various assistance and incentives provided by the government to those affected by the recent floods, farmers and livestock breeders in Dengkil have expressed hope that their needs for agricultural assistance would not be overlooked.

Gunasegar Rangasamy, 44, who operates a livestock farm in Kampung Sri Tanjung, was not spared in the floods and lost 197 chickens.

"My 28 cows survived the floods but they are now weak from having been in the floodwaters for three days and have had no place to sleep. They have also lost weight as all the animal feed had been washed away.

"My 40 goats escaped the floods because there were on higher ground, but have developed ringworm infection on their bodies," he said.

Livestock farmer Laman Ab Rahman, 60, said he was not as lucky as Gunasegar because three of his cows drowned, causing him thousands of ringgit in losses.

"At 4am, the water had risen to neck level. I waded through the floodwaters to save my cows. Otherwise, all of them would have drowned. I lost only three and they were all about three-

and-a-half years old. I could have sold them for between RM3,500 and RM4,000 each," he said, adding that it was difficult to find grass after the floods to feed his cattle.

Another farmer, Anuar Abu Bakar, 65, said the relevant authorities should give attention to helping smallholders and livestock farmers to recover, as starting over would be an uphill task since they lost almost everything in the floods.

His 0.81ha farm in Kampung Semarang, Dengkil, on which he had planted 4,800 banana trees, was destroyed in the floods.

"With the banana plants destroyed, I have also lost my source of income," he added.

Chilli grower Ahmad Irham Mohd Noor, 40, who lost about 5,000 fertigation process chilli plants, expressed hope that agriculture and livestock sector authorities would provide cash assistance to farmers to restart their farms.

"All my farming equipment and chilli seedlings were destroyed. My chilli plants were almost ready for harvesting, and now all have been destroyed. I expected to harvest 4,000kg of chilli from this crop," said the former newspaper photographer. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	32

100 pokok pisang tenggelam akibat banjir

KUALA KRAI - Seorang pekebun kecil berdepan kerugian lebih RM5,000 apabila 100 batang pokok pisang miliknya tenggelam dalam kejadian banjir di Kampung Chuchoh Puteri A, di sini.

Zaleha Mat Nawi, 52, memberitahu, sebelum ini dia memasarkan pisang-pisang berkenaan kepada pemborong di sekitar daerah berkenaan.

Susulan kejadian tersebut, aktiviti penjualan pisang terpaksa dihentikan sementara sehinggalah penanaman semula dilakukan selepas musim tengkujuh.

Ibu kepada lima cahaya mata itu memberitahu, jarak kebunnya terletak 100 meter dari Sungai Golok itu sering ditenggelami banjir melebihi 0.6 meter pada musim tengkujuh.

“Untuk gelombang kali kedua kali ini, hujan bermula Khamis lalu



Zaleha melihat air sungai yang masih bergelombang di kawasan kediaman dan kebunnya.

dan pada jam 4.30 pagi air sudah mula naik sehingga paras lutut di depan rumah saya.

“Dalam beberapa minit saja, air sudah memenuhi kawasan kebun,” katanya di sini pada Sabtu.

Zaleha berkata, selain pokok pisang, dia juga menanam lebih 30 pokok kelapa pandan selain cempedak, nangka, duku dan durian.

3/1/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Harga dedak naik lagi, penternak mengeluh

ALOR SETAR: Bagaikan tiada kesudahan. Itulah yang terjadi apabila kenaikan harga dedak yang dikaitkan dengan ketidakstabilan harga ayam terus berlaku pada tahun baharu ini sekali gus mengundang keluhan dalam kalangan penternak.

Seorang penternak, Mazlina Kamarudin, 54, berkata, pihaknya dimaklumkan tentang kenaikan harga dedak sebanyak RM1 bagi setiap kampak seberat 50 kilogram (kg) berkuat kuasa

1 Januari dengan jumlah RM1111 sekampit bagi harga borong ketika ini.

"Jumlah kenaikan sejak Oktober 2020 hingga 1 Januari adalah RM29. Setiap bulan ada kenaikan antara RM1 hingga RM3 kecualli November tahun lepas. Kini sekampit sudah meningkat sehingga RM1111 bagi harga borong dan harga runcit pula RM121.

"Kami sebagai penternak tiada pilihan kerana dedak adalah input penting dalam segmen

penternakan. Pengeluar dedak pula mereka bersatu jika kata nak naik, semua akan naiklah. Keadaan seolah tidak berubah walaupun masuk tahun baharu, kerana peningkatan kos makanan ayam ini tentu akan meningkatkan kos operasi penternak," katanya di sini semalam.

Beliau yang juga Pengarah Urusan syarikat penternakan, Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi) berkata, faktor kenaikan harga dedak itu dipercayai akan

meningkatkan kos pengeluaran, kejatuhan mata wang dan bahan komoditi seperti jagung dan soya yang terhad di pasaran antarabangsa.

"Itu alasan yang diberikan pengeluar dedak terutama kos berkaitan pengangkutan kapal dari luar negara. Kenaikan seperti ini akan terus membebankan penternak terutama dengan harga ayam yang dikawal kerajaan sekarang dan penternak akan terus kerugian," ujarnya.



MAZLINA KAMARUDIN



AHLI Jawatankuasa KRT Taman Nilam/Taman Nong Chik memetik cili centil yang dulusahkan melalui Program Kebun Komuniti di Taman Nilam, Pontian baru-baru ini.

Kebuniti tambah rezeki penduduk

PONTIAN – Projek Kebun Komuniti (Kebuniti) yang dianjurkan oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Nilam pada 2019 ternyata memberikan peluang kepada ahlinya untuk melibatkan diri dalam aktiviti pertanian.

Menurut Setiausaha KRT Taman Nilam/Taman Nong Chik, Md. Amin Kasbin, projek itu menggunakan dana Majlis Daerah Pontian sebanyak RM5,000.

Katanya, mereka menggunakan tiga kaedah penanaman iaitu fertigasi, hidroponik dan konvensional.

"Tanaman pertama jenis cili centil dibawa pulangan RM2,000 dan dijadikan modal pusingan. Kami seterusnya menanam herba, sayur, buah-buahan hasil tunjuk ajar Jabatan Pertanian.

"Hasil dijual kepada pelanggan tetap dan penduduk Taman Nilam dan Taman Nong Chik," katanya.

Tambahnya, sawi dijual sebagai Jeruk, manakala peggaga dijadikan urap.

Menurut Md. Amin, sebuah jawatankuasa telah dibentuk

bagi mengurus kebuniti itu dan bekalan dijamin segar kerana menggunakan baja mesra alam atau bebas kimia.

Sementara itu, seorang pesara, Harjumat Ahmad, 69, menyifatkan kebuniti itu menjimatkan perbelanjaan dapur dan mengisi masa lapang penduduk.

Katanya, dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu kesan penularan pandemik Covid-19, kebuniti ini sedikit sebanyak membantu memberikan peluang penduduk mendapat keperluan harian mereka.

Kerajaan diharap tawar bantuan untuk pekebun dan penternak berskala kecil yang terjejas

DENGKIL

Walaupun pelbagai bantuan dan insentif disalurkan kerajaan kepada mangsa banjir, para pekebun dan penternak kecil di sekitar Dengkil yang turut terjejas dengan bencana itu berharap nasib mereka yang diabaikan 'sudah jatuh ditimpa tangga' tidak dilupakan.

R Gunasegar, 44, yang mengusahakan ladang ternakan di Kampung Sri Tanjung di sini berkata, banjir besar yang melanda 18 Disember lalu turut memberi kesan kepada beliau apabila 197 ekor ayamnya di-hanyutkan air banjir manakala 28 ekor lembu kini kurus kering kerana tiada tempat tidur dan makanan.

"Banjir itu memberi kesan kepada haiwan ternakan saya... lembu menjadi lemah kerana berendam dalam air sehingga paras perutnya selama tiga hari manakala 40 ekor kambing saya walaupun terselamat kerana kandangnya lebih tinggi, kurap dilihat mula naik pada badan haiwan itu," katanya.

Gunasegar yang telah 10 tahun menceburi bidang ternakan berharap pihak berwajib dapat mengemukakan bantuan kepada penternak dan pekebun terutamanya yang berskala kecil kerana musibah banjir ini memusnahkan segala-galanya dan tiada tempat bergantung untuk memohon pertolongan.

Katanya, walaupun pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar ada turun memberi bantuan dari segi dedak selepas kejadian banjir

'Jangan lupa pekebun, penternak kecil'



Ahmad Ihsan kegunaan puluh ribu ringgit apabila 5,000 pokok cilinya yang ditanam secara ferigasi musnah dalam sehari selepas ditenggelami banjir di Kampung Sri Tanjung.



Anar menupikkan pokok pisanginya yang rosak lenyap ditamam di lebunya di Kampung Semarang, Dengkil.

itu, penternak kecil masih memerlukan bantuan lain kerana banyak peralatan seperti mesin cincang rumput musnah ditenggelami air.

Bagi Laman Ab Rahman, 60, nasib beliau tidak sebaik Gunasegar kerana tiga ekor lembu ternakannya mati kerana banjir yang menyebabkan kerugian ribuan ringgit.

"Masa kejadian banjir jam 4 pagi air sudah naik paras leher. Saya redah air untuk keuarkan lembu-lembu kalau tidak semua akan temas. Saya ada 19 ekor dan tiga ekor yang berumur tiga tahun serengah telah mati. Harga jualan bagi seekor dalam anggaran RM3,500 hingga RM4,000. Sebelum ini, banjir juga tapi kali ini paling buruk," katanya.

Beliau berkata, walaupun banjir telah surut, lembu ternakannya terutamanya yang muda kini dijangkiti penyakit

kering untuk diberikan kepada lembu ternakannya namun beliau berkhair mencari di banyak tempat untuk memastikan lembunya tidak kelaparan.

Bagi pekebun kecil, Anuar Abu Bakar, 65, berkata, bantuan kepada petani dan penternak perlu diberi perhatian untuk mereka bangkit semula kerana banjir kali ini menyebabkan mereka hilang mata pencarian.

Kawasan penanaman pisang seluas 0.81 hektar di Kampung Semarang, Dengkil yang diusahakannya turut musnah ekoran banjir menyebabkan 4,800 pokok pisang ditenggelami air sekali gus hilang punca pendapatan kerana kebiasaannya dalam 500 hingga 600 kilogram pisang akan dijual kepada pasar-pasar dan pemborong kilang kerpepek.

Bagi pekebun cili, Ahmad

Ihsan Mohd Noor, 40, yang kerugian puluh ribu ringgit selepas 5,000 pokok cilinya yang ditanam secara ferigasi musnah ditenggelami banjir di Kampung Sri Tanjung pula mahu proses permohonan bagi sebarang bantuan dapat dimudahkan.

Beliau berharap pihak berkaitan dalam pertanian dan penternakan dapat memberi bantuan yang terjejas ekoran banjir supaya dapat melakukan penanaman semula kerana kebanyakan tanaman musnah ditenggelami air.

"Cili ini sepatutnya dapat dipetik hujung bulan depan namun kini tiada apa yang tinggal. Yang saya terkilan sangat ialah sudah sebulan saya tanam pokok, tiada yang kena serang penyakit dan semua sihat... namun siapa sangka semua musnah sekelip mata," katanya. - Bernama



ANUAR

ANUAR

kulit ekoran air yang kotor dan terpaksa menanggung kos dengan membeli ubat-ubatan.

"Harap ada juga bantuan untuk penternak kecil macam saya selain bantuan disalurkan kepada rumah-rumah kerana kita juga amat terkesan apabila banyak peralatan dan makanan ternakan turut musnah ekoran banjir," kata pesara yang mempunyai 18 tahun pengalaman dalam bidang penternakan itu.

Laman berkata, selepas banjir, amat sukar mencari rumput



GUNASEGAR memberi makan kambing petelaraannya.



AHMAD Ibrahim membersihkan kebun cilinya yang musnah ditergelami banjir.

PEKEBUN, PENTERNAK DI DENGKIL RAYU BANTUAN

'Dengarlah rintihan kami!'

Dengkil

Walaupun pelbagai bantuan dan insentif disalurkan kerajaan kepada mangsa banjir, para pekebun dan penternak kecil di sekitar Dengkil yang turut terjejas dengan bencana itu berharap nasib mereka yang diibaratkan 'sudah jatuh ditimpa tangga' tidak dilupakan.

R Gunasegar, 44, yang menguasai ladang ternakan di Kampung Sri Tanjung, di sini berkata banjir besar yang melanda 18 Disember lalu turut memberi kesan kepadanya apabila 197 ekor ayam lemas dihayutkan air banjir manakala 28 ekor lembu kini kurus kering kerana tiada tempat tidur

dan makanan. "Banjir itu memberi kesan kepada haiwan ternakan saya...lembu menjadi lemah kerana berendam dalam air sehingga paras perutnya eselama tiga hari manakala 40 ekor kambing saya walaupun terselamat kerana kandungannya lebih tinggi, kurang dilihat mula naik pada badan haiwan itu," katanya di sini.

Gunasegar yang sudah 10 tahun menceburi bidang ternakan berharap pihak berwajib dapat mengkhulurkan bantuan kepada penternak dan pekebun terutama yang berskala kecil kerana musibah banjir ini memusnahkan segala-galanya dan tiada tempat bergantung untuk memohon pertolongan.

Katanya, walaupun pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar ada-turun memberi bantuan dari segi dedak selepas kejadian banjir itu, pentermak kecil masih memerlukan bantuan lain kerana banyak peralatan seperti mesin cincang rumput musnah ditenggelami air.

Bagi Laman Ab Rahman, 60, nasib beliau tidak sebaik Gunasegar kerana tiga ekor lembu ternakannya mati lemas yang menyebabkan kerugian ribuan ringgit. "Masa kejadian banjir jam 4 pagi air sudah naik paras leher. Saya redah air untuk

keluaran lembu-lembu-kalau tidak semua akan lemas. Saya ada 19 ekor dan tiga ekor yang berumur tiga tahun, setengah mati. Harga jualan bagi seekor dalam anggaran RM3,500 hingga RM4,000. Sebelum ini, banjir juga tapi kali ini paling buruk," katanya.

Beliau berkata, walaupun banjir sudah surut, lembu ternakannya terutama yang muda, kini dijangkiti penyakit kulit ekoran air yang kotor dan beliau terpaksa menanggung kos dengan membeli ubat-ubatan. "Bagi pekebun kecil, Anuar Abu Bakar, 65, berkata, ban-

tuan kepada para petani dan penternak perlu diberi perhatian untuk mereka bangkit semula kerana banjir kali ini menyebabkan mereka hilang mata pencarian.

Kawasan penanaman pisang seluas 0.81 hektar di Kampung Semarang, Dengkil yang dushakannya turut musnah ekoran banjir menyebabkan 4,800 pokok pisang 'lemas' ditergelami air sekali gus hilang punca pendapatan kerana kebiasaan dalam 500 hingga 600 kilogram pisang akan dijual kepada pasar-pasar dan pemborong kilang kerpek.

Bagi pekebun cili, Ahmad Ibrahim, Mohd Noor, 40, yang kerugian puluh ribu ringgit selepas 5,000 pokok cilinya yang ditanam secara fertigasi musnah sekelip

mata selepas ditergelami banjir di Kampung Sri Tanjung pula mahu proses peribantuan bagi sebarang bantuan dapat diraudahkan.

Beliau berharap pihak berkaitan dalam pertanian dan penternak dapat memberi bantuan wang tunai untuk mereka yang terjejas ekoran banjir supaya dapat melakan penanaman semula kerana kebanyakan tanaman musnah ditergelami air.

"Cili ini sepatutnya dapat dipetik hujung bulan depan namun kini tiada apa yang tinggal. Yang saya terkilan sangat ialah sudah sebulan saya tanam pokok, tiada yang kena serang penyakit dan semua sibat...namun siapa sangka semua musnah sekelip mata," katanya.

"Cili ini sepatutnya dipetik hujung bulan depan namun kini tiada apa yang tinggal"
Ahmad Ibrahim

33 ekor biri-biri mati akibat banjir

KUALA PILAH: Selepas 21 ekor biri-biri ternakannya mati akibat banjir tahun lalu, kejadian serupa sekali lagi menimpa kepada Amir Mohd. Talib, 59.

Kali ini, 33 ekor biri-biri mati susulan banjir kilat yang melanda Kampung Air Taling, Dangi di sini semalam.

Menurutnya, kejadian kali kedua ini berlaku kerana air banjir naik begitu cepat di kawasan ladang ternakannya itu.

“Air naik secara mendadak di kawasan ladang ternakan berdekatan rumah pada pukul 2 pagi. Saya tidak sempat mengalihkan biri-biri berkenaan ke tempat lebih tinggi, hanya mampu menyelamatkan diri sahaja.

“Saya juga tidak sempat

melihat biri-biri yang mati kerana saya berada di pusat pemindahan sementara (PPS) kerana rumah saya juga ditenggelami air sehingga kini,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di PPS Dewan Besar Dangi, di sini semalam.

Menurut Amir, dia juga tidak menyangka akan berlaku hujan lebat pada kali ini sehingga menyebabkan kejadian sama berulang.

“Saya ingatkan tiada lagi air yang naik di kawasan ladang ternakan saya namun kali ini hujan agak lebat sehingga menyebabkan 33 daripada 52 ekor biri-biri saya mati. Saya anggar kos kerugian sebanyak RM13,200 pada kali ini,” ujarnya.



AMIR Mohd. Talib menunjukkan gambar biri-birinya yang mati akibat banjir kilat di Kampung Air Taling, Dangi, Kuala Pilah semalam. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

3/1/2022

UTUSAN

DALAM

8

MALAYSIA

NEGERI

Banjir: Penternak itik rugi RM15,00


SEGAMAT: Seorang penternak terpaksa berputih mata apabila perlu menanggung kerugian hampir RM15,000 setelah terkena itik, telur dan dedak haiwan itu terendam dalam banjir di sebuah ladang di Jalan Maryani, Kampung Jawa di sini.

Mohd. Azim Omar, 28, berkata, dia hanya sempat mengalihkan kira-kira 120 ekor itik jenis pelineur itu manakala lebih 600 ekor lagi ditemukan terendam dalam bah yang melanda kampung itu.

"Semuanya berlaku sekelip mata apabila air naik dengan mendadak, saya rancang mahu pindahkan itik-itik ini pagi ini, tetapi, pukul 2 pagi tadi saya ke ladang untuk melihat keadaan dan terkejut kerana air sudah naik ke paras dada.

"Saya tak dapat buat apa-apa untuk menyelamatkan itik serta telur itik yang disimpan di situ kerana bimbang keselamatan diri," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Azim, itik jenis pelineur yang diternakannya bukanlah seperti jenis-jenis itik yang biasa dan boleh berenang lama di



LADANG ternakan itik diusahakan Mohd. Azim Omar masih digenangi banjir di Jalan Maryani, Kampung Jawa, Segamat. -UTUSAN/FARAHWAHIDA AHMAD

dalam air kerana spesies itu hanya mampu bertahan di dalam air selama satu jam sahaja dan tidak mampu lagi bertahan di dalam

air yang sejuk sebelum lemas.

Walaupun terdapat itik yang sempat diselamatkan, dia khuatir kerana mungkin haiwan

itu juga tidak dapat hidup lama kerana keadaan fizikal yang masih basah akibat terendam lama dalam air.

Rugi RM15,000 selepas lebih 600 itik peliharaan mati

Ladang tenggelam, penternak rugi besar

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD

SEGAMAT – Seorang penternak itik dari Kampung Jawa di sini terpaksa menanggung kerugian lebih RM15,000 selepas ladang ternakan itik yang diusahakannya di Jalan Maryani musnah ditenggelami air akibat kejadian banjir kelmarin.

Lebih malang apabila Mohd. Azim Omar, 28, tidak sempat menyelamatkan itik ternakan di ladangnya sehingga mengakibatkan lebih 600 haiwan ternakan itu mati.

"Semuanya berlaku sekelip mata apabila air naik dengan mendadak. Saya rancang mahu pindahkan itik-itik ini pada pagi ini (semalam)."

"Namun, sebaik sampai ke ladang, saya terkejut apabila melihat keadaan ladang yang ditenggelami air. Air sudah naik sehingga ke paras dada.

"Itik-itik semua terendam di dalam banjir. Saat itu, saya tidak dapat buat apa-apa untuk menyelamatkan itik serta telur itik yang disimpan kerana bimbang keselamatan diri," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Azim, itik yang dikenalnya bukanlah seperti jenis-jenis itik yang biasa boleh berenang lama di dalam air kerana haiwan itu mampu bertahan di dalam air selama satu jam sahaja.

Katanya, itik penelur ini juga tidak mampu bertahan di dalam air yang sejuk sehingga mengakibatkan haiwan itu mati.

Jelasnya, sebanyak 800 ekor itik diternak oleh Azim di ka-



AZIM menunjukkan telur-telur itik yang terjejas akibat kejadian banjir di di ladangnya Jalan Maryani, Kampung Jawa, Segamat semalam.

wasan tersebut dan hanya 120 ekor sempat diselamatkan.

Jelasnya, dia bukan sahaja kerugian RM9,000 apabila itik ternakannya lemas, tetapi kerugian sebanyak RM960 apabila 1,200 biji telur itik turut hanyut dibawa banjir.

Katanya, itik penelur ini juga tidak mampu bertahan di dalam air yang sejuk sehingga mengakibatkan haiwan itu mati. Jelasnya, sebanyak 800 ekor itik diternak oleh Azim di ka-

33 kambing biri-biri lemas akibat banjir

KUALA PILAH – Seorang penternak kambing biri-biri, Amir Mohd. Talib, 59, sekali lagi ditimpa malang apabila 33 ekor haiwan ternakannya itu mati dalam kejadian banjir di Kampung Air Taling, Danggi di sini semalam.

Kejadian itu mengulang episod sama tahun lalu apabila Amir turut menanggung kerugian apabila 21 ekor kambing biri-biri miliknya mati.

"Air naik secara mendadak di kawasan ladang ternakan berdekatan rumah pada pukul 2 pagi. Saya tidak sempat mengalih kambing biri-biri berkecuali ke tempat lebih tinggi, hanya mampu menyelamatkan diri sahaja.

"Saya juga tidak sempat melihat kambing yang mati kerana saya berada di pusat pemindahan sementara (PPS) selepas rumah saya ditenggelami air," katanya.

Menurut Amir, dia langsung

tidak menyangka kejadian hujan lebat sejak kelmarin menyebabkan kawasan kampung dan ladang ternakannya ditenggelami air.

"Saya ingatkan tiada lagi air yang naik di kawasan ladang ternakan, namun kali ini hujan agak lebat sehingga ruinyebabkan 33 daripada 52 ekor kambing biri-biri saya mati. Saya anggarakan kos kerugian sebanyak RM13,200 pada kali ini.

"Bagaimanapun, saya juga berterima kasih dengan penduduk kampung yang rambang-rambang datang membantu menyelamatkan kambing dan lembu saya mengurnakan bot kerana ketika ini saya berada di PPS," katanya yang sudah empat tahun mengusahakan ladang ternakan kambing biri-biri dan lembu.

Bagaimanapun, sebanyak sembilan ekor lembu kepunyaan Amir berjaya diselamatkan dalam kejadian banjir tersebut.



AMIR menunjukkan gambar kambing biri-birinya yang mati akibat banjir di Kampung Air Taling, Danggi, Kuala Pilah semalam.